

PETIKAN TITAH

"DI SAMPING menumpukan usaha-usaha biasa ke arah keamanan, kita juga janganlah lupa amalan-amalan beragama, kerana dari sinilah kita akan mendapat rahmat serta pertolongan Allah dan

**MANISNYA IMAN**

"ORANG-ORANG yang membelanjakan hartanya pada jalan agama Allah, kemudian mereka tidak mengiringi apa yang mereka belanjakan itu dengan perkataan membangkit-bangkit pemberiannya dan

R abu

7 September 2005
3 Syaaban 1426
Tahun 50 Bilangan 36

[Berita Utama](#)[Berita Ringkas](#)[Haluan](#)[Dari Sidang Pengarang](#)[Melirik Masa Silam](#)[Analisis](#)[Fokus](#)[Suara Dari Mimbar](#)[Menuju Keredaan Allah](#)[Teropong Pelita](#)[Bicara IT](#)[Minda Pembaca](#)[Remaja](#)[Belia](#)[Arena Sukan](#)[Iklan-iklan Tawaran](#)[Iklan-iklan Tawaran Kerja](#)[Arkib](#)**TAHUKAH AWDA?**

SERAMAI 228 orang pelajar telah dianugerahkan Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi pengajian di luar negeri sesi tahun 2005/2006. Mereka akan mengikuti pengajian di Australia (9 orang), Republik Persekutuan Jerman (9 orang), Malaysia (14 orang), Republik Arab Mesir (15 orang), New Zealand (9 orang) dan United Kingdom (164 orang) dalam pelbagai bidang seperti Skim Khas Pendidikan, Pergigian, Lughah (Bahasa Arab), Sains, Kejuruteraan dan Sastera termasuk Lukisan (Arts and Design). Ketika ini seramai 559 orang pelajar masih meneruskan pengajian di luar negeri seperti di United Kingdom, Australia, Malaysia, New Zealand, Singapura, Kanada, Republik Persekutuan Jerman, Jordan dan Mesir melalui Biasiswa Kerajaan. - Sumber: *Siaran Akhbar Unit Perhubungan Awam, Kementerian Pendidikan.* (27 Ogos 2005).

*Pelita Brunei Online
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri*

Alamat e-mail:
[Pelita Brunei](mailto:pelita@brunei.gov.bn)

HALUAN

TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Kebangsaan Tahun 1426 Hijrah/2005 Masihi pada hari Khamis, 27 Rejab 1426/1September 2005 di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas.

**BERSIHKAN HATI
JERNIHKAN INGATAN
UNTUK MENGINGATI ALLAH**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim*

ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihice Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin dan inayah-Nya jua dapatlah kita berhimpun di pagi yang indah ini untuk memperingati peristiwa Israk dan Mikraj.

Allah Azzawajalla berfirman dalam Surah Al-Israa' ayat 60 yang tafsirnya:

"Dan tiadalah Kami menjadikan pandangan (pada malam Mikraj) yang telah Kami perlihatkan kepadamu melainkan sebagai satu ujian bagi manusia."

Peristiwa Israk dan Mikraj bukanlah cerita penglipur lara atau cerita karangan makhluk. Ia adalah hakikat kekuasaan Allah yang benar-benar terjadi. Ia adalah tanda-tanda Kudrat dan Iradat Allah Subhanahu Wataala sebagai ujian keimanan kepada manusia.

Peristiwa Israk dan Mikraj membawa mesej yang jelas bahawa hamba Allah yang taat akan mendapat kemenangan, sementara yang ingkar akan menerima padah pada akhirnya.

Apa yang pasti, ujian ini akan sentiasa dihadapi oleh orang-orang yang menegakkan kebenaran di muka bumi. Ia tidak mudah untuk dilalui, kerana naluri manusia itu sangat cenderung kepada kebatilan. Tarikan kepentingan dunia amat kuat, berbanding dengan kepentingan akhirat.

Lalu, di sinilah erti perjuangan atau jihad yang sebenar-benarnya. Ia diterjemahkan melalui peristiwa Israk dan Mikraj ini. Perjuangan atau jihad yang dimaksudkan itu ialah untuk menjadi hamba Allah yang beriman serta bertakwa. Matlamatnya, mengasuh diri berbuat yang benar dan menolak yang mungkar. Inilah jihad yang besar. Ia sama sekali tidak memudaratkan sesiapa, baik diri sendiri mahupun orang lain.

Dalam hubungan kita membina masyarakat dan negara, hendaknya janganlah terlalu leka dibuai oleh arus kemodenan yang serba mengasyikkan. Kita mesti lebih berhati-hati memilih dan menggunakan elemen-elemen kemajuan, selaras dengan garis panduan yang telah disyariatkan oleh Allah Subhanahu Wataala.

Sangat penting bagi kita memilih cara yang betul agar menghasilkan kesan positif yang berpanjangan. Janganlah sekali-kali memilih cara yang kelihatannya betul, tetapi pada hakikatnya satu perkara yang batil yang akhirnya boleh mendatangkan kesan negatif yang sukar dipulihkan.

Dalam perkara memilih yang betul di dalam hidup ini, janganlah kita leka dari membersihkan hati dan menjernihkan ingatan untuk sentiasa mengingati Allah, di mana salah satu caranya ialah dengan istiqamah melakukan sembahyang dan membaca Al-Quran. Ajarkanlah ini kepada anak pinak dan kaum keluarga.

Begitu juga berikanlah contoh yang baik kepada orang lain, insya-Allah, pahalanya akan berpanjangan. Sebaliknya jauhilah contoh yang buruk dan ajaran yang tidak baik, kerana dosanya adalah membebankan serta berpanjangan. Semoga Allah sentiasa memelihara kita.

Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.